

RMK-11 Dilaksana Ikut Kemampuan Kerajaan Pusat Dan Keperluan Kerajaan Negeri - Najib

Bernama

July

6,

2014

KUALA TERENGGANU, 6 Julai (Bernama) -- Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) akan dibuat berdasarkan kepada kemampuan kerajaan pusat dan keperluan kerajaan negeri dengan mendahulukan projek yang perlu diberi keutamaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau akan mendapatkan maklumat daripada setiap negeri sebelum rumusan dapat dibuat dalam RMK-11 nanti.

"Saya tidak membuat keputusan serta-merta, tetapi ini merupakan proses yang saya lakukan untuk tiap-tiap negeri dan akan kita kumpul dan kita rumuskan untuk kita lihat kemampuan Kerajaan Pusat melaksanakan apa-apa yang perlu kita lakukan dalam tempoh RMK-11 nanti," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas mendengar taklimat pembangunan kerajaan negeri Terengganu di Wisma Darul Iman di sini hari ini, beliau berkata setakat ini Perak dan Kedah telahpun beliau lawati untuk mendapatkan maklumat serta keperluan untuk dimasukkan dalam RMK-11 memandangkan RMK-10 akan berakhir tahun depan.

Beliau berkata keutamaan dalam RMK-11 adalah mengikut kehendak kerajaan negeri terlebih dahulu, sebagaimana yang diperlukan kerajaan Terengganu iaitu projek pencegahan banjir di kawasan Kemaman selain meningkatkan taraf ekonomi rakyat di Terengganu.

Sementara itu Perdana Menteri turut berpuas hati dengan prestasi Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman sejak dilantik Menteri Besar Terengganu hampir dua bulan lalu.

"Saya lihat semuanya berjalan dengan baik. Saya tekankan soal perpaduan dan kesinambungan...magnanya apa yang baik dilakukan pentadbiran dulu, kita teruskan dan di samping itu, saya yakin Datuk Ahmad Razif juga akan lakukan pembaharuan dan penambahbaikan," kata Najib.

Ahmad Razif dilantik Menteri Besar Terengganu baharu menggantikan Datuk Seri Ahmad Said dan beliau mengangkat sumpah jawatan pada 12 Mei lalu di hadapan Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin.

Perdana Menteri turut memuji tema yang diperkenalkan Ahmad Razif iaitu Transformasi Terengganu Baru kerana ia selaras dengan program transformasi kerajaan yang diperkenalkan kerajaan pusat.

Mengulas tentang krisis politik di Selangor, Najib berkata beliau yakin rakyat Selangor mempunyai hak untuk memilih kerajaan yang mampu membela nasib mereka.

"Masalah dalaman pembangkang, saya tak mahu campur urusan ini kerana ia dalaman pembangkang... soal dalaman berterusan boleh hakis keyakinan rakyat kepada kerajaan sedia ada," katanya.

Semalam Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim menempelak Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana mengkritik pentadbirannya di Selangor.

Khalid berkata Anwar tidak seharusnya mempersoalkan pentadbirannya kerana kewibawaan Anwar sebagai Ketua Umum PKR turut dipersoal para pemimpin dan anggota parti itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1051703>